

3M: Musa seru parti2 BN contohi semangat kerajaan

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, hari ini menasihatkan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya mendekati pelaksanaan sistem pelajaran 3M dengan semangat positif seperti yang diamalkan oleh kerajaan.

Semangat sedemikian, katanya, adalah wajar kerana parti pembangkang kini berusaha mencari isu demi kepentingan politiknya.

“Saya ingin mengingatkan kesemua parti komponen Barisan Nasional bahawa pihak pembangkang, khususnya DAP, akan berusaha mencari isu ketika ini,” tambahnya dalam kenyataan yang dikeluarkan menerusi Setiausaha Akhbarinya, Encik Samad Mahadi.

Kenyataan berkenaan dikeluarkan sesudah Datuk Musa mengadakan pertemuan dengan perwakilan Pemuda, Wanita MCA serta anggota Biro Pelajaran MCA, di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Semangat positif yang dimaksudkan oleh Datuk Musa ialah kesediaan menerima maklumat-balas serta kerja-kerja pengesanan terhadap pelaksanaan 3M sekarang.

Menurut kenyataan

Musa pelawa MCA beri cadangan

■ DARI MUKA 1

tersebut, pertemuan yang diadakan dalam suasana muhibbah juga menyetujui pelaksanaan 3M.

Datuk Musa juga mempelawa Pemuda, Wanita MCA serta pihak Biro Pelajaran parti tersebut supaya membuat cadangan-cadangan terperinci untuk memperbaiki sebarang kelemahan 3M dalam peringkat awal pelaksanaannya.

Selanjutnya, Kementerian Pelajaran akan mengkaji cadangan-cadangan berkenaan dalam konteks ianya adalah program perintis.

Sebelum menemui delegasi Pemuda MCA, Datuk Musa serta pegawainya mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud serta pegawai kanannya, mengenai 3M.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai menegaskan dalam sidang akhbar sesudah pertemuan itu bahawa pihaknya menyokong penuh konsep sistem pelajaran 3M.

Dalam memorandum mengenai 3M yang diserahkan kepada Datuk Musa hari ini, Pemuda MCA mengemukakan empat cadangan mengenai pelaksanaan 3M.

Antara yang penting, kata Datuk Lee, semua bahan pengajaran dan rujukan seperti Sukatan Pelajaran, Buku Sumber dan Buku Panduan Khas hendaklah ditulis dalam Bahasa Cina, kecuali metapelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Cadangan ini dikemukakan kerana dalam pengumuman Datuk Dr. Sulaiman mengenai 3M baru-baru ini beliau berkata: "Dalam sistem 3M, kecuali matapelajaran bahasa, semua bahan pengajaran, sukatan dan rujukan bagi matapelajaran yang lain adalah ditulis dalam Bahasa Malaysia."